SULIT

012

NO. KAD PENGENALAN/SURAT BERANAK

ANGKA GILIRAN

JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

Disediakan Oleh:
Guru Akram, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
dengan pembiayaan Kerajaan Negeri Terengganu

UJIAN PERCUBAAN UPSR 2009

BAHASA MELAYU – PENULISAN

OGOS

1 1/4 jam **Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian iaitu* ***Bahagian A,*** **Bahagian B,** *dan* **Bahagian C.**
2. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
3. *Bagi* **Bahagian B,** *kamu boleh memilih sama ada menjawab* **Soalan 1, Soalan 2** *atau* **Soalan 3.**
4. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan. Sekiranya helaian kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan kertas jawapan tambahan daripada pengawas peperiksaan. Kertas jawapan tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku soalan.*

Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
Jumlah Markah		/ 60

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

[Lihat sebelah

SULIT

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

http://gudangsoalan.blogspot.com/

BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti pertandingan perbahasan.

Tulis **lima** *ayat yang lengkap tentang aktiviti dalam gambar di bawah.*

http://gudangsoalan.blogspot.com/

Bahagian A

10

http://gudangsoalan.blogspot.com/

BAHAGIAN B

[30 *markah*]

[*Masa dicadangkan:* 40 *minit*]

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan.**

1 Sekolah kamu telah mengadakan majlis sambutan Hari Guru peringkat sekolah. Sebagai Setiausaha Kelab Bahasa Melayu, kamu dikehendaki menulis satu laporan tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang majlis tersebut.
Tulis laporan kamu selengkapnya.

ATAU

2 Setiap murid pasti mempunyai kawan. Tulis sebuah karangan tentang faedah-faedah berkawan.

ATAU

3 Jam di tanganku menunjukkan pukul 6.00 petang. Aku berdiri di depan pintu menunggu ayah pulang. Kebiasaannya ayah akan sampai lebih awal lagi. Tapi hari ini, ayah terlalu lewat pulang ke rumah. Tiba-tiba sebuah kereta berhenti di depan rumah. Aku pun.....

Lengkapkan cerita di atas. Mulakan cerita kamu dengan,

Aku pun .....

http://gudangsoalan.blogspot.com/

Bahagian B

No. Soalan	

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com/

30

http://gudangsoalan.blogspot.com/

BAHAGIAN C

[20 *markah*]

[*Masa dicadangkan :* 20 *minit*]

Tulis lima nilai murni / pengajaran yang boleh kamu dapati daripada petikan di bawah.
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Aiman merupakan anak bongsu dalam keluarganya. Dia terlalu manja dan mudah merajuk.

Ibu memanggilnya,"Aiman, tolong ibu bersihkan lantai dapur ni, nak."

"Nanti sekejaplah ibu. Aiman nak tengok rancangan kartun ni dulu," katanya.

Abangnya, Halim terdengar apa yang diperkatakan oleh Aiman.

Lalu abangnya menjawab, "Tak apalah, bu. Biar saya tolong ibu bersihkan lantai itu."

Abang terus ke dapur dan mengemop lantai.

"Ada apa-apa lagi yang boleh saya tolong, bu?" katanya lagi.

"Terima kasihlah, nak. Bertuah ibu dapat anak seperti Halim," pujinya.

"Sama-sama, bu," jawab Halim.

Halim terus pergi ke ruang tamu dan menasihati adiknya.

"Aiman, kasihan ibu. Aiman mesti patuh segala suruhan ibu. Lain kali jangan buat macam tu lagi, ya dik," nasihat Halim kepada adiknya.

"Tutup suis televisyen tu dulu. Pergi ke dapur sekarang dan minta maaf daripada ibu," katanya.

"Baiklah, bang," ujarnya.

"Ibu, maafkan Aiman. Aiman berjanji akan tolong ibu," pintanya.

"Baguslah kalau Aiman dah sedar akan kesilapan tu. Ibu maafkan," kata ibunya.

Tidak lama kemudian, terdengar bunyi kereta ayahnya di luar rumah. Ayahnya keluar dari kereta. Aiman cepat-cepat pergi ke arah ayahnya dan mengambil beg ayahnya lalu dibawa masuk ke dalam rumah.

"Minggu depan, ayah nak ajak pergi bercuti ke Pulau Langkawi," kata ayahnya.

Aiman, Halim dan ibunya tersenyum tanda kegembiraan.

http://gudangsoalan.blogspot.com/

Bahagian C

20

http://gudangsoalan.blogspot.com/